



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 11 JUN 2021**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2.	MAFI SUMBANG BANTUAN MAFI PRIHATIN KEPADA PETUGAS BARISAN HADAPAN DI PKRC MAEPS, UTUSAN BORNEO -ONLINE KERAJAAN PULAU PINANG EGO, TIDAK SENSITIF: CHE ABDULLAH, SH -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3.	PRIORTISE LOCAL FISHERMEN, NOT VIETNAMESE - JUNZ, HOME, BORNEO POST (KK) -3	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4. 5. 6. 7.	SADC, PENTERNAK UDANG DIPANGGIL BERI PENJELASAN, LOKAL, HM -16 NILAI SEMULA PROJEK KOLAM UDANG, NEGARA, KOSMO -14 PENTERNAK BUNTU, SEMAKIN TERTEKAN, DALAM NEGERI, UM -12 NELAYAN TEMUI KEHIDUPAN BARU, NASIONAL, SH -11	LAIN-LAIN

**UKKMAFI**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/6/2021	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

## MAFI sumbang bantuan MAFI Prihatin kepada petugas barisan hadapan di PKRC MAEPS



Datuk Seri Ahmad Hamzah kepada Pengarah PKRC MAEPS, Dr Shahabuddin Ibrahim di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID 19 Bersepadu MAEPS Serdang

PUTRAJAYA: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyerahkan bantuan MAFI Prihatin kepada petugas barisan hadapan di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID 19 Bersepadu (PKRC) MAEPS Serdang.

Penyerahan bantuan MAFI Prihatin disampaikan oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah kepada Pengarah PKRC MAEPS, Dr Shahabuddin Ibrahim.

Turut hadir dalam sesi penyerahan ialah Ketua Setiausaha Kementerian, Dato' Haslina Abdul Hamid.

MAFI dalam kenyataan medianya berkata, bantuan MAFI Prihatin merupakan hasil sumbangan dan tanggungjawab sosial pelbagai Jabatan dan Agensi dibawah MAFI seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang menyumbangkan produk makanan Agromas ready to eat.

“Selain produk makanan turut disampaikan juga tajaan beras oleh pihak MARDI Corporation (MAEPS) bertujuan untuk membantu meringankan beban para petugas barisan hadapan yang turut terkesan dengan penularan pandemik COVID 19,”katanya.

Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID 19 Berisiko Rendah MAEPS 2.0 telah diaktifkan semula pada 6 Disember 2020 berikutan peningkatan kes COVID 19 dengan mendadak dan pelaksanaan program saringan pekerja asing oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

PKRC Bersepadu MAEPS 2.0 yang kini beroperasi di 9 buah dewan, boleh menampung sehingga 5 ribu pesakit pada satu-satu masa dan telah merawat lebih 100,000 ribu pesakit dalam masa 6 bulan.

Pengurusan PKRC Bersepadu MAEPS melibatkan kolaborasi di antara 18 buah agensi yang diterajui bersama oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara Malaysia (NADMA) dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK) dengan kekuatan anggota harian seramai 1,394 kakitangan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/6/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Kerajaan Pulau Pinang ego, tidak sensitif: Che Abdullah



GEORGETOWN - Keputusan kerajaan negeri Pulau Pinang meneruskan Projek Tambakan Selatan Pulau Pinang (PSR) disifatkan sangat ego dan tidak sensitif terhadap alam sekitar serta sumber alam.

Timbalan Menteri Pertanian dan Sumber Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, walaupun Ketua Menterinya mengakui projek berkenaan akan memberi kesan terhadap alam sekitar namun beliau masih angkuh dan berkeras untuk meneruskannya.

Menurutnya, teguran dan pandangan daripada pakar-pakar, pemegang taruh, pertubuhan bukan kerajaan atau NGO serta aktivis-aktivis alam sekitar tidak diambil perhatian.

"PSR yang akan diteruskan ini akan menjadi malapetaka kepada nelayan di Pulau Pinang khususnya dan menjejaskan sektor perikanan negara.

"Ketika Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sedang berusaha keras bersama pelbagai pihak menambah baik solusi untuk meningkatkan SSL ikan negara namun kerajaan DAP Pulau Pinang tanpa rasa bersalah mengumumkan untuk meneruskan projek ini," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Khamis.

Pada Rabu Sinar Harian melaporkan kerajaan Pulau Pinang tetap dengan pendirian untuk meneruskan Projek Tambakan Selatan Pulau Pinang (PSR) walaupun banyak pihak mendesak supaya ia dibatalkan.

Ketua Menteri, Chow Kon Yeow dilaporkan berkata, kerajaan negeri tidak perlu memilih antara PSR dan alam sekitar serta nelayan sebaliknya yakin dengan kemajuan teknologi dan kejuruteraan bagi membolehkan projek berkenaan dibangunkan tetapi tetap memulihara alam sekitar dan masyarakat.

Menurutnya, kerajaan negeri tidak pernah menafikan projek berkaitan akan memberi kesan malah pihaknya selalu berkongsi dengan masyarakat mengenai rancangan yang akan dilakukan.

Sementara itu, Che Abdullah yang juga Ahli Parlimen Tumpat berkata, bekas Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub ketika di Parlimen pada 19 Julai tahun lalu menyatakan seramai 4,996 nelayan akan terjejas dengan projek PSR.

Katanya, daripada jumlah itu seramai 1,422 orang adalah nelayan tradisional zon A selain projek berkenaan akan menjejaskan pendaratan perikanan tangkapan marin di negeri ini sebanyak 51,184 metrik tan atau nilainya RM525 juta setahun akibat kemusnahan kekal yang akan berlaku.

"Keangkuhan dan ketidak prihatinan kerajaan negeri ini terserlah selepas bantahan dibuat oleh rakan mereka dalam Pakatan Harapan juga tidak diendahkan.

"Ahli Parlimen Permatang Pauh, Nurul Izzah Anwar pernah menyarankan projek ini dibatalkan malah Exco Agroteknologi dan Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr Norlela Ariffin sendiri pernah menyatakan tentangan beliau," katanya.

Jelasnya, perkara itu diluahkan ketika perjumpaan bersama Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) yang turut meminta MAFI memberi tekanan kepada kerajaan negeri agar tidak meneruskan projek tersebut.

"Saya berkesempatan bertemu dan mendengar rintihan masyarakat serta pemimpin setempat sebelum ini yang melahirkan kebimbangan mereka terhadap kelangsungan hidup selepas ini.

"Jadi persoalannya apakah motif sebenar kerajaan negeri yang dilihat bersungguh-sungguh meneruskan projek ini," katanya.

Headline	Prioritise local fishermen, not Vietnamese — Junz		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	11 Jun 2021	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	3	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	113 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 315
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 945



## Prioritise local fishermen, not Vietnamese — Junz

**KOTA KINABALU:** Former Sabah Minister of Agriculture and Food Industry Datuk Junz Wong has lambasted Putrajaya for openly inviting Vietnamese and Thai fishermen to Malaysian waters.

This comes after the chairman of the Fisheries Development Authority of Malaysia (LKIM), Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal on Monday claimed that there was a 10 per cent shortage of fish landings during MCO 3.0, due to lack of manpower for deepsea fishing.

Syed Abu Hussin Hafiz who is also a Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) leader, also claimed that the manpower shortage could not be filled by locals, as they are either not keen or do not possess the necessary skills.

In response, Junz said that the LKIM chairman's statement was an insult to local fishermen throughout the country.

"No interest? No skill? That is an utter insult to fishermen nationwide!"

"The LKIM chairman should go to the ground and meet local fishermen before coming to this silly conclusion. We have so many fishermen. They have been catching fishes their entire life, but recently lost jobs.

"So how can Putrajaya just claim that they are not interested or unskilled?" he said in a statement yesterday.

Junz who is Warisan vice president, also questioned the Sabah State Government's silence.

"If KL wants to invite fishermen to KL, it is up to them. Let KL deplete their own fishes. But Sabah must not allow that to happen as we must prioritise Sabahan fishermen!"

"My successor, Dr Jeffrey Kitingan, must be aware of Putrajaya's open invitation to Vietnamese and Thai fishermen by now. So what is his stand on this?"

Junz further elaborated how this MCO 3.0 is the perfect opportunity to turn around the Sabah local fisheries industry.

"It is an open secret that at present, even without the admittance of new Vietnamese fishermen, there are already many Vietnamese fishing boats in Sabah waters.

The whole Sabah knows that the enforcement is having a hard time catching these Vietnamese boats, because of the complex web how these Vietnamese operators disguise themselves as Malaysian boat operators.

"So, now at a time whereby all borders are closed, this is the perfect timing and chance to once and for all eradicate Vietnamese fishermen from Sabah waters," he said.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/6/2021	HARIAN METRO	LOKAL	16

## *SADC, penternak udang dipanggil beri penjelasan*

**Ipoh:** Pihak pengurusan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (SADC) dan pengusaha ternakan udang di Kuala Bagan Tiang akan dipanggil memberi penjelasan berhubung dakwaan projek itu memusnahkan hutan paya bakau dan menjejaskan sumber pendapatan nelayan.

Menteri Besar Perak Datuk Saarani Mohamad berkata, kerajaan negeri memerlukan penjelasan lanjut dan hasil perbincangan kelak akan menentukan keputusan yang bakal diambil dalam mencari penyelesaian.

“Saya ada membaca laporan akhbar dan pastinya saya akan panggil pengurusan SADC untuk melihat balik perkara itu, siapa pemilik tanah, bila ia diluluskan, kepada siapa dan status pengusaha. Itu semua kita kena bincang dan buat sebaik-baiknya mengikut aspek perundangan. Kita kena ambil kira semua faktor termasuk dari sudut nelayan, SADC dan juga pengusaha akuakultur,” katanya dalam sidang media selepas merasmikan dan me-

lawat pusat pemberian vaksin pandu lalu di Stadium Indera Mulia, semalam.

Saarani mengulas kenyataan Ahli Parlimen Parit Buntar Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa semalam yang mendakwa pelaksanaan projek akuakultur ternakan udang dalam kolam di kawasan tersebut akan memusnahkan hutan paya bakau dan menjejaskan sumber pendapatan nelayan.

Mujahid mendakwa sekiranya diluluskan, projek kolam udang itu akan menjejaskan pendapatan nelayan di situ yang sudahpun terkesan oleh penularan Covid-19, selain penduduk kampung juga terdedah kepada air pasang yang melimpahi kawasan perumahan berdekatan jika ketiadaan hutan kayu bakau.

Beliau juga mendakwa kawasan berkeluasan 19.02 hektar itu diluluskan SADC bagi projek terbabit dan bantahan penduduk kampung mengenai projek sedia ada di Sungai Kota, Tanjung Piandang, Kerian tidak diendahkan oleh kerajaan negeri sebelum ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/6/2021	KOSMO	NEGARA	14

# Nilai semula projek kolam udang

**IPOH** – Bantahan penduduk sekitar Kuala Bagan Tiang dekat Kerian berkaitan kebimbangan mereka tentang kesan projek kolam ternakan udang terhadap aktiviti nelayan tempatan di situ yang dimajukan oleh sebuah syarikat swasta akan diperhalusi.

Projek seluas 80 hektar di Sungai Betul dan Sungai Mat Aris (19 hektar) itu diluluskan untuk dimajukan oleh kerajaan negeri kepada Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPPNP) sebagai agensi bertanggungjawab.

Pengerusi Jawatankuasa Perladangan, Pertanian dan Industri Bekalan Makanan negeri, Razman Zakaria berkata, mesyuarat pengurusan kanan PPPNP pula telah meluluskan pajakan tanah kepada pihak pengusaha bagi menyumbang kepada perkembangan industri makanan.

Menurut beliau, susulan isu yang dibangkitkan itu kerajaan negeri telah mengarahkan pihak berwajib untuk mengesahkan dakwaan tersebut disebabkan prihatin pada kelestarian alam dan pendapatan nelayan.

“Hasilnya, PPPNP telah menghantar surat kepada Pejabat Tanah dan Daerah, Pejabat Tanah dan Galian Perak, Jabatan Perikanan, Jabatan Hutan dan agensi



**SEBAGIAN** daripada penduduk yang membantah projek kolam ternakan udang di Parit Buntar baru-baru ini.

yang berkenaan bagi mendapatkan pandangan serta penilaian mengenai kesan pelaksanaan projek di atas kedua-dua tanah tersebut.

“Perkara ini juga akan dibawa ke peringkat tertinggi untuk dibincangkan sebelum satu keputusan terbaik dibuat termasuk mendapatkan pandangan Menteri Besar, Datuk Saarani Mohamad selaku Pengerusi PPPNP demi kebaikan semua pihak,” ujarnya dalam satu kenyataan semalam.

Katanya lagi, kerajaan negeri sentiasa komited untuk memelihara kelestarian alam serta memastikan tidak ada pihak yang

terkesan khususnya melibatkan para nelayan di Kuala Bagan Tiang.

Media sebelum ini melaporkan, penduduk di Kuala Bagan Tiang, Parit Buntar membantah projek kolam udang di kawasan hutan kayu bakau yang didakwa telah diluluskan oleh PPPNP kepada sebuah syarikat.

Bantahan turut disuarakan Ahli Parlimen Parit Buntar, Datuk Seri Mujahid Yusof Rawa yang melahirkan kebimbangan apabila projek kolam udang itu diluluskan dan bakal menjejaskan pendapatan nelayan di kawasan tersebut yang sudah pun tertekan dengan kesan Covid-19.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/6/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	12

Dedak naik kali kelima dalam enam bulan, mohon kerajaan pandang serius

# Penternak buntu, semakin tertekan

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB  
hafiz.mutalib@mediamulia.com.my

**ARAU:** Entah apa puncanya, harga dedak terus naik dan kini dijual RM70 bagi 50 kilogram menyebabkan penternak semakin buntu dan tertekan.

Kenaikan RM3 daripada RM67 bagi makanan haiwan ternakan itu merupakan peningkatan kali kelima hanya dalam tempoh enam bulan tahun ini. Justeru, penternak berharap kerajaan memandangkan serius isu berkenaan kerana kenaikan berterusan harga dedak menyebabkan mereka kos yang perlu mereka tanggung juga meningkat, apatah lagi dalam keadaan ekonomi yang mencabar ketika ini.

Penternak kambing, Husmizar Hussain, 41, berkata, kenaikan harga dedak sehingga RM70 merupakan paling tinggi sepanjang pengalamannya lebih + 10 tahun memternak kambing.

Katanya, dalam tempoh enam bulan ini, sudah lima kali



**HUSMIZAR Hussain memberi dedak soya putih yang harganya kini mencecah RM70 bagi setiap 50 kilogram kepada kambingnya di Arau, Perlis, semalam. - UTUSAN/ MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB**

harga dedak soya putih mengalami kenaikan dan dia terpaksa mengeluarkan kos tambahan sehingga RM400 sebulan. Jelasnya, para penternak tidak ada pilihan lain dan terpaksa menggunakan dedak meskipun harganya terus meningkat.

“Selepas dua minggu stok

dedak tidak ada sebelum ini, dedak kembali dengan harga baharu iaitu kenaikan sehingga RM3 sejak beberapa hari lalu.

“Kenaikan tersebut sangat memberi kesan kepada kami terutama dalam tempoh sekatan pergerakan yang menyakitkan harga barangan semakin mahal,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Tambahnya, di sebalik kenaikan harga dedak berkenaan yang menyebabkan mereka perlu mengeluarkan lebih kos, susu kambing yang dijual penternak pula masih pada harga sama.

“Masalah kenaikan ini bukan baharu malah setiap kali Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan, harga dedak akan naik. Jika berterusan begini, teruk bagi kami dengan tidak sampai sebulan atau dua bulan ada harga baharu pula.

“Setakat ini, tidak ada lagi tindakan saya lihat sama ada dari kerajaan atau pihak berkaitan untuk mengatasi isu kenaikan harga dedak ini,” katanya.



# Nelayan temui kehidupan baru

## Projek Tambak Selatan Pulau Pinang ubah nasib mereka

Pekerjaan sebagai nelayan tidak asing bagi masyarakat di selatan Pulau Pinang. Inilah satu-satunya pekerjaan tradisional mereka untuk mencari rezeki meskipun sedar ia kerja yang bahaya dan mencabar.

Malah, tekanan hidup memaksa mereka bergantung kepada bantuan kerajaan atau pekerjaan sambilan untuk menampung kos sara hidup yang semakin tinggi.

Ada nelayan yang terpaksa menukar pekerjaan demi kehidupan yang lebih stabil dan lebih selamat demi kebaikan diri dan keluarga.

Pembangunan Projek Tambakan Selatan Pulau Pinang (PSR) mengubah segalanya, ikuti kisah beberapa orang nelayan dari selatan Pulau Pinang yang kini bekerja dalam projek berkenaan.

Nur Adam Ifwat Amur, 23, yang membesar dalam sebuah keluarga nelayan di Teluk Kumbar mula membantu datuknya Idris Ismail, 66, menangkap ikan sejak usia remaja lagi.

Semasa berusia 18 tahun, Nur Adam dan datuknya hampir tergedai nyawa dalam satu kejadian ribut petir di laut. Sejak itu, Idris berharap cucunya mendapat pekerjaan yang lebih selamat.

"Ribut itu satu pengalaman ngeri buat kami. Ombak yang kuat cukup untuk membelah bot menjadi dua. Ketika itu, saya berfikir saya dan Adam akan hanyut."

"Apabila saya mendengar tentang projek PSR mencari pekerja dalam kalangan anak tempatan, saya minta Adam mendaftar. Saya bersyukur Adam dapat kerja di situ," kata Idris.

Kini lebih setahun Nur Adam berkhidmat sebagai pembantu operasi menerusi projek PSR.

Pengalamannya sebagai nelayan dan pemahamannya terhadap kawasan sekitar selatan Pulau Pinang membantu kerjayanya yang melibatkan pemantauan pencemaran di sungai berhampiran tapak PSR.



Kerjaya turut merangkumi pengambilan sampel air sungai dan membantu operasi harian Pusat Perkhidmatan Setempat Nelayan di Gertak Sanggul yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Menurut Nur Adam, dia gembira dengan pendapatan bulanan yang stabil termasuk caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Malah, pekerjaannya tetap itu juga membolehkannya memohon pinjaman bank.

"Tanpa slip gaji dan pendapatan tetap, sukar untuk nelayan membuat pinjaman bank."

Dulu, nak berhutang dengan bank pun tidak layak. Sekarang saya boleh beli motor dan rumah," katanya yang baru bertunang.

### Pendapatan kecil

Samsuar Hasshim, 43, turut berkongsi pengalaman serupa. Dia yang berasal dari Teluk Kumbar menjadi nelayan sejak berusia 15 tahun. Pekerjaan itu telah menyara keluarganya lebih 25 tahun.

Samsuar membesarkan empat orang anak yang berusia tiga hingga 18 tahun dengan pendapatannya yang kecil dan tidak menentu.

"Saya tidak mampu menyimpan duit selepas membeli barang dapur, makanan dan keperluan sekolah. Apa yang dapat ibarat hanya cukup-cukup makan."

"Memang mencabar, tetapi yang lebih mencabar adalah risiko yang saya hadapi setiap kali turun ke laut. Apabila berlaku ribut, saya tak tahu apa nasib saya," ceritanya.

Seperti Nur Adam, kehidupan Samsuar juga kini lebih baik sejak mendapat kerja sebagai pembantu operasi di projek PSR lebih setahun yang lalu.

kini sedang mengikuti program diploma vokasional.

### Bertarung nyawa

Kisah hampir lemas ketika menjadi nelayan telah mengubah nasib Mohd Noor Ismail, 38. Dia yang mesra dikenali sebagai Mat, mula mengikut bapanya Ismail Ahmad, 67, ke laut sejak usia remaja.

Selepas hampir lemas lebih 15 tahun lalu, Mat terus berhenti menjadi nelayan. Mat terjatuh ke dalam laut apabila bot yang dinaikinya dipukul ombak kuat.

"Pada masa itu, ombak memang kuat. Bapa balingkan tali untuk saya pegang. Bapa tidak berhenti menjerit pada masa itu. Kalaulah tali terlepas dari tangan, 'saya mungkin dah tak ada,' ceritanya.

Selepas Mat berhenti menjadi nelayan pada usia 23 tahun, Mat melakukan pelbagai pekerjaan termasuk menjadi pekerja kilang dan pemandu lori sehingga ditamatkan perkhidmatannya.

Mat kemudian menganggur selama enam bulan sebelum berjaya mendapat kerja sebagai pembantu operasi dalam projek PSR.

"Semasa menganggur memang pengalaman pahit bagi saya kerana tiada keupayaan untuk menyara keluarga," kata Mat yang mempunyai tiga orang anak berusia 11, sembilan dan setahun lebih.

Dia bersyukur dan berharap keadaan akan bertambah baik apabila projek berjalan supaya masa depan anak-anaknya lebih cerah.

"Saya mahu mereka belajar tinggi dan dapat pekerjaan baik. Anak sulung saya bercita-cita menjadi doktor," katanya.

Sementara itu, bapanya Ismail Ahmad, 67, pula mula menjadi nelayan dalam usia 40an.

"Kini saya boleh mula menabung untuk hari-hari tua. Kalau dulu, memang tak mungkin boleh menyimpan. Saya juga ada caruman KWSP," katanya.

Samsuar juga berharap anak-anaknya boleh mendapat pekerjaan yang lebih baik apabila mereka dewasa kelak dan tidak perlu menjadi nelayan.

"Saya yakin dengan adanya pembangunan PSR, mereka akan mendapat lebih banyak peluang pendidikan, latihan dan pekerjaan."

"Projek PSR ini ada SIMP (Pelana Pengurusan Impak Sosial) yang menawarkan program tuisyen percuma, skim pendidikan dan latihan kepada anak nelayan yang berminat," katanya sambil memberitahu anak sulungnya

**Pada masa itu, ombak memang kuat. Bapa balingkan tali untuk saya pegang. Bapa tidak berhenti menjerit pada masa itu. Kalaulah tali terlepas dari tangan, saya mungkin dah tak ada."**

-Mat



Mohd Noor yang lebih dikenali sebagai Mat (kiri) bersama bapanya Ismail.

Sebelum itu, dia berkhidmat sebagai tentera selama 15 tahun.

Walaupun pernah menjadi askar, dia akui kehidupan sebagai nelayan lebih mencabar dan sukar kerana pendapatan tidak stabil.

"Bayangkan ada ketika turun ke laut seekor udang pun tak dapat. Tapi nak buat macam mana, tiada pilihan kena teruskan kerja," katanya.

Selepas menjadi nelayan selama lebih 20 tahun, Ismail mendapat kerja sebagai pengawal keselamatan di PPSN Permatang Damar Laut lima tahun lalu.

Sejak itu, dia tidak lagi mengharungi lautan bergelora untuk mencari nafkah. Dia juga berdoa agar pembangunan PSR akan berjalan dengan lancar supaya generasi akan datang mendapat manfaat dari segi pekerjaan dan pertumbuhan ekonomi.

"Harapan saya agar projek PSR ini berjalan baik demi masa depan anak cucu kami di sini," katanya.



NUR ADAM



IDRIS



Samsuar lega pendapatannya kini lebih terjamin.